

# BAHASA MELAYU

(Oleh Musyfa')

Sesungguhnya satu daripada perkara-perkara yang mendukacitakan saya ialah huruf-huruf penambah pada perkataan-perkataan bahasa Melayu sebagaimana acapkali didengar diucapkan di tengah-tengah majlis-majlis perhimpunan jamuan dan seumpamanya yang lain-lain dan juga di dalam tulisan iaitu seperti “ber” – ter – di – nya dan banyak yang lain-lain lagi yang seumpamanya seperti yang dilafazkan:

“Tuan dif yang terhormat dipersilakan duduk dan . . . “Ada pun pada panangan saya bahawa sebutan “yang terhormat” itu salah kerana berertilah dif-dif itu tidak sengaja dihormati, atau tidak berhak kehormatan, pada halnya sekalian hadirin itu sememang telah dijemput dengan hormat. Di sini nampaknya huruf penambah “ter” itu “terjadi” sahaja dihormati. Akan tetapi hendaklah kita ingat bahawa “ter” – ber – dan “di” itu ada masa dan tempatnya yang patut digunakan misalnya pada menerangkan kelebihan barang sesuatu seperti Yang Teramat Mulia – Yang Teramat Dihormati – Yang Teramat Dikasihi – Yang Teramat Masyhur – dan lain-lain seumpamanya seperti kampung ini terbesar daripada kampung yang lain – pohon kayu ini tertinggi daripada yang lain-lainnya pohon ini terendah daripada yang lain-lainnya maka di sini “ter” itu menentukan perbezaan di antara satu dengan lainnya. Dan juga hendaklah kita ingat dan fahamkan benar-benar bahasa bunuh – dibunuh – terbunuh – tentulah berlainan ertinya dan demikian jugalah pukul – kena pukul – dipukul – dan terpukul yang berlainan – pengertiannya tiap-tiap satunya itu.

(1) “Nya” juga suatu huruf penambah yang sepatutnya janganlah ditinggalkan daripada tempatnya yang dikehendaki misalnya seorang tua rumah atau seorang ketua majlis jamuan, yang acap kali dengan terkhilaf menyebut: “Dipersilakan sekalian sudikan hidangan saya (atau kami) yang tidak seperti ini.” Jika telah disebut “dengan tidak seperti ini” tidakkah harus

mendatangkan oleh seorang yang nakal: “Seperti manakah yang lain pula jika tidak yang ini?” jika sudah disebut “dengan tidak seperti ini” sudah cukup! Kerana huruf “nya” itu menerangkan (terutama sekali jika ada di sisi dif-dif yang ramai itu seorang berdua yang teramat tinggi darjatnya atau pangkatnya) tetapi persiapan jamuan itu sepatutnya terlebih baik lagi daripada yang ada pada ketika itu maka huruf penambah “nya” itu berertilah kekurangan daripada yang sepatutnya.

(2) “Yang terhormat” itu disebutkan kepada ahli-ahli mesyuarat negeri sementara mereka itu bertujuan ahli mesyuarat yang tersebut.

(3) “Yang teramat terhormat” menunjukkan seseorang itu berkelebihan pangkat di antara ahli-ahli mesyuarat yang lain-lain seperti menteri besar dan seumpamanya.

(3) “Yang kehormat” seperti setiausaha yang kehormat maka ini menunjukkan yang orang menjadi setiausaha itu tidak menerima gaji bagi jawatan dan perusahaannya itu, tetapi jika seorang itu menjadi setiausaha menerima gaji maka disebut setiausaha sahaja.

(3) Juga saya ketahui ada banyak raja-raja Melayu kita di Malaya ini dan juga di seberang lautan menerima bintang-bintang dan gelaran K.C.M.G. dan SIR tetapi didaftarkan di pejabat kerajaan British di England yang kehormat sahaja, yakni tanda kehormatan sahaja (yang di dalam perkataan Inggeris Honourary) dan begitu jugalah ada beberapa orang-orang Inggeris yang mulia menerima gelaran-gelaran universiti sebagai tanda kehormatan sahaja.

Demikianlah saya tamatkan dahulu rencana ini, tetapi begitupun barangkali ada seorang yang mengaku-ngaku nama kalamnya “bapa yang terfadil” di dalam Malaya ini, kelak menyampuk mengatakan saya mengagung-agung diri dengan suka menulis berjela-jela dan berulang di akhbar-akhbar. Saya mengaku benar katanya itu, tetapi kehendak saya supaya tuan-tuan pembaca dapat berfikir panjang daripada berbagai-bagai misal yang saya

(Sambungan pada muka 38)

## Panduan Rasulullah

Ibnu ‘Abbas berkata, saya mendengar Rasulullah shallā Allāh ‘alaihi wa sallam bersabda: “Tiap-tiap seorang Muslim yang mendermakan sehelai baju kepada seorang Muslim (yang miskin). Melainkan

Pejabat Qadhi Kampung Gelam  
Nombor 38 Kandahar Street,  
Singapura.

Adalah saya Haji

Ali bin Haji Sulaiman

Qadhi Kampung Gelam

Singapura, ucapkan

berbanyak-banyak dan

setinggi-tinggi terima kasih

di atas pertolongan dan bantuan Tuan

Tabib H.G.

Mustaffa yang telah mengubatkan penyakit buasir yang saya telah

hidapi selama lebih kurang (15) tahun lamanya. Tetapi

alhamdulillah berbanyak-banyak syukur saya kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala

hendak memanjangkan umur saya lagi dapatlah saya bertemu

dengan Tuan Tabib H.G. Mustaffa nombor 280 Victoria

Street, Singapura. Jikalau tidak tentulah menjadi melarat

selama-lamanya. Maka dengan sebab kemahirannya dengan persetujuan

Allah Subhanahu wa Ta’ala mengkabulkan perbuatannya, penyakit saya telah sembuh

dengan tidak payah dipotong hanya

gugur dengan sendiri di dalam

sedikit masa sahaja. Inilah

saya memberi sedikit akuan

padanya walsalam adanya.

TABIB H.G. MUSTAFFA

PUNJAB MEDICAL HALL.

No. 280, Victoria Street,

Singapore City, 7.



*Haji Ali bin Haji Sulaiman*



si penderma itu akan terletak di dalam pemeliharaan Allah selagi baju itu masih ada percanya digunakan oleh penerima itu”.

Maksud hadis – Aḥmad dan al-Tirmidhī.

\* \* \*

Abī Mālik al-Asha‘arī berkata, Rasulullah (S.A.W)

bersabda: Bahawa di syurga ada bilik-bilik yang boleh dilihat luarnya dari dalamnya, dan boleh dilihat dalamnya dari luarnya, iaitu disediakan oleh Allah bagi orang yang melembutkan kata-katanya, memberi makan (kepada fakir miskin), menyempurnakan (bilangan hari) puasanya dan mengerjakan sembahyang pada waktu malam ketika orang ramai sedang tidur.

Maksud hadis-al-Bayhaqī.

Abū Hurayrah berkata, bahawa seorang lelaki telah datang mengadu kepada Nabi (S.A.W) tentang kekerasan hatinya (yakni si pengadu itu tidak begitu menaruh rahim dan belas kasihan kepada orang lain) maka Rasulullah (SAW) pun menyuruhnya dengan bersabda: Sapuluh kepala anak yatim dan berilah makan kepada fakir miskin.

Maksud hadis – Aḥmad.

Harap dibetulkan

Dalam jawapan Abu al-Mokhtar yang lalu, di muka 36 ruangan yang pertama, barisan sembilan dari bawah ayat Quran yang ditulis di situ

telah tertinggal hujungnya. Harap dapat ditambah seperti di bawah ini:

*Mā kanaztum lianfusikum fazdhūqū mā kuntum taknizūn*

33, 34 al-Tawbah.

(Sambungan daripada muka 26)

zahirkan itu terkecualilah tuan “Bapa yang Terfahdal”

yang sememang pandai itu. Tetapi malangnya bapa

terfadhil itu lupa ada pun salah, lali dan lupa itu

sememang sifat kemanusiaan! Dan betul serta berkuasa

penuh melengkapi lagi menganuti itu ialah sifat

ketuhanan!! *La ḥawla wa la quwwata illa billāhi al-‘aliyyi al-‘azim!!!*